AFAQ LUGHAWIYYAH
© PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
https://journal.unisza.edu.my/afaq
e-ISSN: 2990-9007

KEPERLUAN MEMBANGUNKAN MODUL ELEKTRONIK BAGI PEMBELAJARAN BERTUTUR BAHASA ARAB

[THE NEED TO DEVELOP AN ELECTRONIC MODULE FOR THE LEARNING OF ARABIC SPEAKING SKILLS]

Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid[1]*, Wan Muhammad Wan Sulong[2],
Nik Farhan Mustapha[2] & Mohd Azidan Abdul Jabar[2]

[1] Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

[2]Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: *mohdtaqwudin@ums.edu.my*

Received: 4/6/2024 *Accepted: 29/7/2024* *Published: 31/8/2024*

Abstrak

Pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian adalah salah satu cabang kajian bahasa Arab yang perlu diperkasai agar kemajuan pembelajaran bahasa berbantukan teknologi dan multimedia di Malaysia tidak ketinggalan zaman. Tidak dinafikan, peralihan drastik kepada mod pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu memaksa semua pihak beradaptasi dengan cepat bagi memastikan kelestarian pendidikan terus terpelihara. Natijahnya, pelbagai kesulitan dihadapi oleh pelajar dan pengajar dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Situasi ini menuntut kebijaksanaan untuk mengatasi sebarang kesukaran yang timbul, termasuk mempertimbangkan kesesuaian bahan sokongan dan alat bantu yang digunakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan penggunaan modul elektronik berasaskan multimedia sebagai bahan sokongan dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tahap asas secara dalam talian. Kajian kualitatif ini menggunakan temu bual separa berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data. Seramai 12 orang pelajar sarjana muda dan tiga orang pengajar telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Seterusnya, data dianalisis secara tematik menggunakan perisian Atlas ti. versi 8.0. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari kemahiran bertutur dalam talian iaitu kekangan bahasa, teknologi, aktiviti pembelajaran dan pengajar. Sedangkan, pengajar pula mengutarakan tiga kesukaran lain iaitu kekangan dari aspek silibus pelajaran dan masa belajar, perhatian kepada pelajar dan

kebergantungan pelajar. Bagi mengatasi kesukaran tersebut pelajar mencadangkan sembilan penambahbaikan, manakala di pihak pengajar pula sejumlah lima penambahbaikan telah dicadangkan. Akhirnya, semua peserta kajian sepakat bahawa modul elektronik berpotensi menawarkan solusi bagi membantu meningkatkan kualiti pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab secara dalam talian sekali gus menekankan keperluan agar sebuah modul elektronik khusus dibangunkan.

Kata kunci: kemahiran bertutur, bahasa Arab, modul elektronik, multimedia, pembelajaran dalam talian

Abstract

Learning speaking skills online is one of the branches of Arabic language studies that needs to be empowered so that the advancement of technology and multimedia-assisted language learning in Malaysia is not out of date. Undoubtedly, the drastic shift to online learning mode as the new norm forces all parties to adapt as quickly as possible to ensure the sustainability of education is maintained. As a result, various difficulties are faced by students and teachers when learning Arabic speaking skills. This requires wisdom to overcome any difficulties that arise, including considering whether a learning support material and learning aids are suitable for use. This study aims to identify the need to use multimedia-based electronic modules as support materials or aids in learning basic Arabic speaking skills online. This study is a qualitative study that uses semi-structured interviews as a data collection method. A total of 12 students and 3 instructors participated in this study. Next, the interview findings were analyzed thematically using Atlas.ti software. version 8.0. The results of the study found that there are three main difficulties faced by students when learning speaking skills online, namely language constraints, technology and learning activities. At the same time, the instructor mentioned three other difficulties, which are constraints from the aspect of the lesson syllabus and study time, attention to students and student dependency. In order to overcome these difficulties, the students suggested eight improvements, while the instructor suggested a total of five improvements. In the end, all students and instructors agreed that the multimedia-based electronic module has the potential to offer the proposed solution while emphasizing the need for an electronic module to be developed specifically to help improve the quality of learning Arabic speaking skills online.

***Keywords**: speaking skill, Arabic language, electronic modules, multimedia, online learning*

Cite as: Mohd. Yazid, M. T., Wan Sulong, W. M., Mustapha, N. F., & Abdul Jabar, M. A. (2024). Keperluan membangunkan modul elektronik bagi pembelajaran bertutur Bahasa Arab [The need to develop an electronic module for the learning of Arabic speaking skills]. *Afaq Lughawiyyah, 2*(2), 377–397. https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.2.136

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attributions (CC BY) (http://creativecommons.org/license/by/4.0/).

PENDAHULUAN

Pembelajaran dalam talian adalah saluran alternatif yang penting bagi memastikan kelestarian perkembangan tamadun dan ilmu meski berlaku situasi darurat yang mengehadkan pergerakan dan pertemuan fizikal. Hal itu jelas terbukti apabila amalan pendidikan pada peringkat global begitu pantas beralih arah daripada mod

bersemuka kepada mod dalam talian sepenuhnya sejurus penularan virus Covid-19 diisytiharkan sebagai pandemik (Mishra et al., 2020).

Oleh itu, pembelajaran dalam talian seterusnya diiktiraf sebagai norma baharu yang mesti diterima oleh semua pihak sama ada suka atau tidak. Akhirnya muncullah pelbagai produk inovasi dan hasil kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi yang merevolusikan ekosistem pendidikan arus perdana sebagai usaha untuk beradaptasi dengan keperluan dan keadaan semasa (Guan et al., 2021; Wan Daud et al., 2021). Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, para pengajar dan pelajar mengakui terdapat impak positif dan potensi besar yang dibawa oleh pembelajaran dalam talian (Rajab et al., 2020). Maka, tidak hairanlah jika trend pembelajaran dalam talian semakin popular pada era pasca pandemik Covid-19 seiring kepesatan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (Nazir et al., 2017).

Dari sudut yang lain, peranan penting yang dimainkan oleh kerajaan Malaysia dalam menekankan peri pentingnya pendidikan berlandaskan teknologi menjadi tunggak utama kepada perkembangan positif tersebut. Kerajaan telah berusaha untuk memastikan agar kedudukan Malaysia dalam pembangunan kursus dalam talian berada pada landasan yang betul. Justeru, pemerkasaan pembelajaran dalam talian pada peringkat pendidikan tinggi diteruskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) (Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia, 2015). Secara khususnya, pelan tersebut memperkukuhkan dasar e-pembelajaran negara melalui Lonjakan #9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global atau *Globalised Online Learning* (GOL), yang secara asasnya memberi tumpuan kepada peluasan akses pendidikan, peningkatan kualiti PdP selain menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan semasa pelajar. Usaha menormalisasi pembelajaran dalam talian adalah satu bentuk tranformasi pembelajaran berbantukan teknologi terkini bagi tujuan mempertingkatkan potensi diri dan daya kreativiti pelajar dalam proses menuntut ilmu. Di samping itu, amalan pembelajaran dalam talian yang betul juga mampu melahirkan pelajar yang proaktif serta responsif dengan dinamika konsep pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran aturan kendiri (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2019).

Dalam konteks Universiti Awam (UA) di Malaysia, pemerkasaan pembelajaran dalam talian antara lain diterajui oleh Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (MEIPTA). Di samping itu, MEIPTA turut mengambil bahagian dalam pembinaan Dasar e-Pembelajaran UA yang dibangunkan dengan objektif memperkasa pelaksanaan e-Pembelajaran agar lebih tersusun dengan mekanisme yang jelas (Majlis e-Pembelajaran IPTA Malaysia, n.d.).

Usaha gigih MEIPTA dalam memacu ke arah kecemerlangan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi serta mengangkat aspirasi memperkasa pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu dalam kalangan segenap lapisan warga IPTA turut dapat dilihat dalam aspek pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Secara dalam Talian

Pelajar bahasa Arab tahap asas pada peringkat universiti adalah antara kelompok pelajar yang terlibat secara langsung dalam sesi pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian. Pelbagai universiti awam menawarkan kursus bahasa Arab tahap asas kepada pelajar-pelajarnya seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terangganu (UMT) (Nasir et al., 2017) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) (Bahagian Perkhidmatan Akademik, 2018).

Sepanjang mengikuti sesi tersebut, daya tahan pelajar terhadap pelbagai cabaran pembelajaran benar-benar teruji kerana tanpa guru di sisi mereka perlu berdikari sendiri dan bijak memanfaatkan kecanggihan peralatan teknologi agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Hal tersebut terbukti apabila kajian Mohd. Taqwudin et al. (2022) mendapati para pelajar tahap asas berjaya mengikuti pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian berbekalkan tiga jenis teknik iaitu teknik terjemahan teks bahasa Melayu - Arab, teknik membaca teks Arab tidak berbaris dan teknik memperbaik pertuturan bahasa Arab. Semua teknik tersebut dilaksanakan dengan bantuan peranti berasaskan komputer seperti komputer peribadi, komputer riba, tablet, telefon pintar dan lain-lain. Dapatan tersebut antara lain menunjukkan kepentingan peranan peranti berasaskan komputer dalam menyokong pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian sebagaimana yang turut dilaporkan oleh kajian Lin (2015) dan Young dan West (2018). Tambahan pula, Meskill (1999) dan Peterson (2009) melaporkan bahawa para pengkaji Pembelajaran Bahasa Berbantukan Komputer atau lebih dikenali sebagai *Computer-Assisted Language Learning (CALL)* mengiktiraf kelebihan dan ciri-ciri teknologi Komunikasi Perantaraan Komputer sebagai alat penghubung yang memainkan peranan penting dalam menyediakan, membina serta mendukung elemen konteks sosial di alam maya. Lebih daripada itu, CALL melihat peranan komputer membekalkan konteks alternatif bagi interaksi sosial, menyediakan akses kepada komuniti perbualan atau membina komuniti perbualan baharu (Kern & Warschauer, 2000).

Berdasarkan keterangan di atas, usaha untuk memperluas penggunaan media dan alat pandang dengar seperti komputer dan teknologi multimedia sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan dengan giat (Zaini et al., 2019). Justeru, penggunaan modul elektronik atau juga dikenali sebagai e-modul dalam pembelajaran kemahiran bertutur adalah amat wajar melihat kepada besarnya potensi yang boleh ditawarkannya dalam membantu pelajar bahasa Arab tahap asas menghadapi cabaran mempelajari kemahiran bertutur.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan modul elektronik dapat meningkatkan kualiti proses PdP bahasa Arab dan sekali gus menyumbangkan kepada peningkatan prestasi pelajar dan pencapaian hasil pembelajaran.

Antara kelebihan modul elektronik bahasa Arab yang dilaporkan ialah ia didapati berkesan mendukung kaedah pembelajaran kosa kata berasaskan bimbingan rakan (Yusof et al., 2019, 2020, 2021). Selain itu, modul elektronik juga mampu menjadikan pembelajaran topik tatabahasa lebih mudah untuk difahami dan lebih menarik (Mohd Fauzi et al., 2021). Tambahan pula, modul elektronik mampu menjadi alternatif penting dan berkesan dalam memastikan proses PdP terus berjalan meskipun pengajar dan pelajar dipisahkan oleh jarak dan waktu disebabkan perkara luar kawalan (Mohd Firdaus et al., 2021; Mohd Firdaus et al., 2021; Maulidiana, 2020).

Lebih daripada itu, modul elektronik turut menggalakkan proses pembelajaran teradun yang lebih berkesan (Osman & Hamzah, 2021), meningkatkan pencapaian pelajar di dalam subjek bahasa Arab (Koderi, 2017) dan membantu pelajar mengembangkan bahasa Arab dan STEM (Haslubis et al., 2022). Ringkasnya, semua kajian lepas membuktikan modul elektronik mampu menawarkan pelbagai kelebihan kepada usaha membina sebuah landskap pembelajaran bahasa Arab yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, hasil analisis terhadap sorotan kajian lepas mendapati penerokaan bidang kajian pembangunan modul elektronik yang dibina khusus untuk mempelajari kemahiran bertutur tahap asas belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Justeru, kajian ini cuba untuk menganalisis sejauh mana keperluan para pelajar terhadap pembangunan sebuah modul elektronik bagi menyokong pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan tiga objektif kajian iaitu:

1. Mengenal pasti punca masalah yang menyebabkan pelajar kurang bertutur
2. Mengenal pasti solusi bagi menyelesaikan masalah yang timbul
3. Mengesahkan keperluan untuk membangunkan sebuah modul elektronik.

Seiring dengan objektif tersebut sebuah metodologi kajian telah dirangka dengan cermat bagi memastikan perjalanan kajian berjalan dengan lancar dan berkesan.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini dipandu oleh Teori Analisis Keperluan Bahasa untuk Tujuan Khusus yang diperkenalkan oleh Hutchinson dan Waters (1987) berdasarkan tiga elemen iaitu: Keperluan (*Needs*), Kekurangan (*Lacks*) dan Kehendak (*Wants*). Manakala, kaedah temu bual separa berstruktur telah dipilih bagi mengumpul data kajian melalui aplikasi *Googlemeet* dan seterusnya data tersebut dianalisis secara analisis tematik dengan bantuan aplikasi Atlas.ti versi 8.

Dari segi persampelan, kesemua peserta kajian telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan berdasarkan kriteria telah mengikuti keseluruhan tiga

tahap kursus bahasa Arab tahap asas secara dalam talian yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS). Oleh itu, seramai 12 pelajar sarjana muda yang sedang mengikuti kursus Bahasa Arab Tahap III (UA00302) dipilih sebagai peserta kajian dan mereka terdiri daripada enam pelajar Muslim dan enam pelajar bukan Muslim. Pelajar tersebut merupakan sebahagian daripada kohort pertama pelajar yang mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian sejak mula mendaftar masuk ke UMS pada semester pertama sesi pengajian 2020/2021 sehinggalah hujung semester ketiga sesi pengajian 2021/2022. Oleh itu, mereka dijangka sudah memiliki pengalaman belajar bertutur bahasa Arab dalam talian yang banyak kerana telah mengikuti keseluruhan tiga tahap kursus bahasa. Selain pelajar, tiga pengajar juga telah mengambil bahagian sebagai peserta kajian. Barisan pengajar berpengalaman tersebut terlibat secara langsung dalam pengajaran kemahiran bertutur tahap asas secara dalam talian melibatkan tiga tahap kursus bahasa Arab.

Dalam laporan kajian ini, para pelajar dilabelkan sebagai "PLR" dan disusuli dengan nombor yang mewakili setiap 12 pelajar. Sebagai contoh PLR1 merujuk kepada pelajar pertama. Manakala para pengajar pula dilabelkan sebagai PGR dan disusuli dengan nombor yang mewakili setiap tiga pengajar. Misalnya, PGR1 merujuk kepada pengajar pertama.

DAPATAN

Dapatan temu bual pelajar adalah dapatan utama dalam kajian ini kerana modul elektronik dibina khusus untuk kegunaan pelajar. Namun begitu, temu bual pengajar juga dilihat penting sebagai dapatan sokongan bagi memperoleh sudut pandang berbeza khususnya berhubung situasi sebenar pengendalian aktiviti pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian.

Temu Bual Pelajar

Terdapat empat masalah utama yang dihadapi oleh pelajar sepanjang mempelajari kemahiran bertutur dalam talian iaitu kekangan bahasa, kekangan teknologi, kekangan aktiviti pembelajaran dan kekangan pengajar sebagaimana yang terkandung dalam Jadual 1:

Jadual 1: Masalah Pelajar

Bil.	Masalah	Petikan temu bual
1	Kekangan bahasa	"*Sama yang, tidak pass tu cara menyebut. Lagi-lagi itu perkataan 'ain dengan ghayn...tidak pass dia punya sebutan*". (PLR1_1:5)
2	Kekangan teknologi	"*Kalau secara online ni, biasalah masalah line lah yang first dia, kalau untuk bertutur ni...Kalau lambat line kan...ustaz tanya soalan, macam 1 minit begitu baru sampai dia punya soalan*". (PLR2_1:8)

3	Kekangan aktiviti pembelajaran	"*Masalah lagi kalau belajar dalam talian ni, saya susah mahu cari kawan yang sama-sama belajar dengan saya, untuk bertutur*". (PLR1_1:4)
4	Kekangan pengajar	"*Aktiviti tidak menarik sebab...topik tatabahasa untuk hari tu kan, dia (pengajar) post (gambar buku rujukan) di WhatsApp. Masalah utama di situ tidak tersusun, tidak terang gambar, muka surat random. Kalau dia tanya soalan dalam group kami tercari-cari mana satu yang dia tanya*". (PLR2_1:18)

Bagi menangani masalah tersebut pelajar memberikan sembilan cadangan sebagaimana yang terkandung dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Cadangan Pelajar

Bil.	**Cadangan**	**Petikan temu bual**
1	Sukatan pelajaran berkaitan komunikasi harian	"*Kalaulah dalam modul tu ada kosa kata yang boleh digunakan dalam aktiviti harian, yang mudah...Perbualan harianlah. Kalau yang tu ada dalam modul, kita boleh aplikasikan dengan rakan-rakan di sekeliling. Itu akan membantu meningkatkan keyakinan untuk berinteraksi dengan rakan-rakan*". (PLR3_2:24)
2	Menggunakan bahan multimedia yang berkualiti	"*Ustaz selalu juga send kami video-video macam mana sebutan, jadi kalau macam saya belajarkan saya rasa interesting lah untuk belajar di youtube*". (PLR5_3:23)
3	Teks bahasa Arab lengkap dengan baris, transliterasi dan terjemahan	"*Kalau boleh, web tu ada dwi bahasa lah ustaz. Ada bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk lebih memudahkan*". (PLR7_4:20)
4	Galakan belajar bertutur secara kendiri	"*Dia punya inti di sini, dia mesti ada yang guide. Video tu ada suara orang kan jadi itu yang guide kami untuk setiap sebutan tu*". (PLR2_1:21)
5	Penawaran mekanisma penilaian kendiri terhadap progres pertuturan	"*Ini mengikut video yang saya ikutlah. Dia memang ada bagi ayat untuk sebutan juga. Jadi saya ikut, saya buat itu video slow motion, lepas tu baru saya ikut sebut pelan-pelan macam mana dia sebut. Baru saya sebut balik. Last-last boleh lah*". (PLR5_3:30)

6	Anjal untuk digunakan di mana-mana pada bila-bila masa	"*Kami mahu satu rujukan yang kami semua boleh tengok, boleh tengok di handphone macam tu. Kadang buku tu, tidak semua orang ada kan*". (PLR4_2:20)
7	Mesra media sosial	"*Kalau macam video, kalau macam app tu masih baru boleh hantar link sahaja (ke Telegram dan WhatsApp)*". (PLR12_6:11)
8	Platfom khusus untuk aktiviti PdP dan sebaran bahan pembelajaran	"*For me, cannot solely count on the app sahaja. Perlu ada group chat juga macam Telegram or WhatsApp supaya dia ada guru yang boleh comment secara live untuk perkongsian maklumat. Sebab dia lebih take note daripada just di dalam app sebab kalau app dia perlu masuk lagi*". (PLR12_6:11)
9	Penawaran mekanisma penilaian pengajar terhadap progres pertuturan pelajar	"*First, saya akan tulis tu skrip, and then saya hantar kepada ustazah untuk semakan kalau ada kesalahan- kesalahan…Kalau tidak ada, saya start record lah.*" (PLR5)

Pada akhir sesi temu bual pelajar sebulat suara menyatakan terdapat keperluan terhadap pembinaan sebuah modul elektronik.

> "*Pada pendapat saya kalau ada modul begitu, saya rasa sangat sangat membantu. Sebab satu saya jenis suka satu persatu kita faham. Jadi kalau by topic modul tu ada dan pendekatan dari aspek video, audio...infografik juga yang mengikut topik. Saya rasa sangat-sangat membantu dan saya sangat sangat suka*". (PLR10_5:12)

Temu Bual Pengajar

Terdapat tiga kekangan utama yang menurut pengajar membelenggu pelajar sepanjang pelajar tersebut mempelajari kemahiran bertutur dalam talian sebagaimana yang terpapar pada Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Masalah Pengajar

Bil.	Masalah	Petikan temu bual
1	Kekangan silibus pelajaran dan masa belajar	"*Kita kena habis sampai 12 unit...Aa..12 unit tu memang susahlah mahu dikejar dalam satu semester tu. Kita mahu kasi ulang-ulang balik tu, macam kelam kabut lah*". (PGR1_1:6)

2	Kekangan perhatian kepada pelajar	"*Tenaga pengajar tidak dapat membimbing dorang sentiasa untuk...memahirkan diri dorang ni dengan bertutur...Sebab...Kita kena bimbing dorang dari sudut pelbagai sebab lain pelajar ni, lain cara dia faham konteks bertutur dalam bahasa Arab*". (PGR3_2:4)
3	Kekangan kebergantungan pelajar	"*Memang pelajar sepenuhnya bergantung kepada silibus yang disediakan oleh guru bahasa Arab. Kalau videopun, tengok video di youtube (yang diberi) sahajalah*". (PGR2_3:6)

Seterusnya, pengajar telah melontarkan lima cadangan solusi bagi menghadapi kekangan yang ada seperti mana yang terkandung dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Cadangan Pengajar

Bil.	**Cadangan**	**Petikan temu bual**
1	Penggunaan bahan multimedia dan saluran multimedia	"*Yang boleh ditambah sedikit lagi lah, (selain) video (dan) audio, aplikasi lah yang sangat membantu. Yang paling mudah untuk sampai kepada pelajar kita ada WhatsApp dengan Telegram lah. Itu yang paling dekat. Jadi kita gunalah WhatsApp dan Telegram. So, audio-audio dorang tu kita paksa suruh hantar ke Telegram yang penting paksa diri dorang untuk bercakap*". (PGR1_1:13)
2	Pelbagai aktiviti bertutur	"*Bimbingan tu paling penting. Berapa banyak bimbingan kau boleh offer sama dorang...Bimbingan dari segi motivasi, macam mana kita mahu sebut...Bimbingan tu tidak boleh satu sahaja. Maksudnya kena banyak colour lah. Dalam pengajaran tu mungkin boleh perlihatkan (jenis bimbingan) by category, untuk taaruf begini, untuk ucapan begini, belajar nombor begini...*". (PGR3_2:11)
3	Penggunaan web 2.0	"*Untuk apa-apa dorang punya aktiviti Google Classroom lah. Google Classroom ni sangat mesra berbanding smartv3ums...Smartv3ums memang secure tapi (kadang-kadang) pelajar susah mahu masuk*". (PGR3_2:13)
4	Pemudahcara antara pengajar dan pelajar	"*Kita perlu satu lagi medium, tanpa fungsi guru ni. Medium tu sudah boleh mewakili dan menjawab persoalan-persoalan pelajar. Apatah lagi dalam bab-bab komunikasi. Contoh, apps tu ada beberapa kategori contohnya taaruf. Klik taaruf and then keluarlah list-list taaruf. Dorang sudah nampak lah ini adalah cara memperkenalkan diri. And then, mahu try lagi bertutur tu betul atau tidak, buat (rakaman) voice* (PGR3_2:14)
5	Meraikan perbezaan individu pelajar	"*Dia (pelajar Muslim dan bukan Muslim) tidak berkongsi (masalah). Dia akan ada masalah lain-lain... selalu pelajar non-Muslim dia punya*

khususnya dari aspek kemampuan dan tahap pengetahuan	*kesukaran tu adalah tahap untuk mengenal huruf dan membaca, itu memang common dia punya masalah*". (PGR1_1:10)

Sebagaimana maklum balas pelajar sebelum ini, pengajar turut sebulat suara menyatakan terdapat keperluan terhadap pembinaan sebuah modul elektronik.

> "*Bagi pendapat saya memang perlulah, sangat-sangat perlu. Sebab pertama sekali modul yang kita guna selama ini fokus untuk tatabahasa...Kita kena tengok juga ke mana tujuan pelajar belajar bahasa hari ini...Sebilangan pelajar...bila menjawab peperiksaan, tatabahasa semua bagus, semua boleh dapat A, tapi bila kita tengok daripada komunikasi dia kurang...Majikan nanti mahu orang yang boleh bercakap bukannya yang boleh menjawab peperiksaan*". (PGR1_1:14)

PERBINCANGAN

Dapatan temu bual pelajar dan pengajar membekalkan gambaran menyeluruh berhubung situasi sebenar yang berlaku dalam lapangan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tahap asas secara dalam talian. Pihak pelajar berkongsi situasi yang mereka alami sebagai pelajar yang mengikuti kursus, sedangkan pihak pengajar pula berkongsi situasi yang mereka alami sebagai pengajar yang menyampaikan kursus dan melaksanakan penilaian.

Kesukaran Pembelajaran Menurut Pelajar dan Pengajar

Secara umumnya, pelajar mendakwa kesukaran pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tahap asas berpunca daripada kekangan bahasa, kekangan teknologi, kekangan aktiviti pembelajaran dan kekangan pengajar.

Kekangan bahasa tersebut merujuk kepada kelemahan dari segi sebutan, kelancaran, saiz kosa kata, pembinaan ayat dan ketepatan pertuturan. Kekangan ini adalah satu perkara yang normal bagi pelajar bahasa Arab tahap asas kerana kelompok pelajar tersebut memiliki asas bahasa yang sangat minima bahkan ada dalam kalangan mereka yang langsung tidak mempunyai sebarang asas sebagaimana yang berlaku kepada pelajar bukan Muslim (Awang Damit & Seman, 2011). Asas bahasa Arab yang dimaksudkan di sini merujuk kepada kemahiran membaca dan menulis tulisan Arab (Nasir et al., 2017).

Dari segi kekangan teknologi, kelemahan capaian internet, kualiti bahan multimedia, seperti video dan audio, yang rendah dan paparan teks Arab pada laman sesawang yang tidak dilengkapi dengan baris, transliterasi dan terjemahan bahasa Melayu didapati menjadi antara faktor utama timbulnya kesukaran pembelajaran. Selain itu, ketidakcekapan pelajar memanfaatkan aplikasi *Google Translate (GT)* secara

optimum dan berkesan turut menyumbang kepada kesukaran pembelajaran sebagaimana yang turut dilaporkan oleh Enid Zureen et al. (2020). Tidak dapat dinafikan, bahawa bahan bantu mengajar adalah salah satu elemen penting dalam penyampaian instruksi berkesan, hal ini kerana bahan tersebut bukan sahaja menyumbang kepada pengajaran yang lebih menarik bahkan mampu menghadirkan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran (Hiebert et al., 1991).

Seterusnya dari segi kekangan aktiviti pembelajaran, pelajar mendakwa mod pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian mengundang rasa malu untuk bertanya dan juga mengehadkan interaksi antara sesama pelajar khususnya dalam rangka pelaksanaan tugasan berkumpulan. Apa yang menarik, masalah tersebut sebenarnya turut sama berlaku dalam mod pembelajaran bersemuka sebagaimana yang dilaporkan oleh kajian (Mastura Arshad dan Kaseh Abu Bakar (2015) dan Rosni Samah et al. (2012), namun dalam naratif permasalahan yang berbeza. Dapatan kajian Rosni menunjukkan, dalam konteks pembelajaran bertutur dalam kelas bersemuka, pelajar mengambil pendekatan tidak mahu melibatkan diri atau berinteraksi secara aktif dalam aktiviti bertutur disebabkan takut jika tersalah dalam pertuturan akan diejek dan akhirnya terpaksa menanggung malu. Dapatan ini turut disokong oleh dapatan Ab. Halim (2009). Dari sudut yang lain, kajian Young dan West (2018) dan kajian Lin (2015) sebaliknya menegaskan bahawa pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian sama ada segerak mahupun tidak segerak adalah sangat berkesan.

Kekangan terakhir yang dihadapi pelajar adalah berkaitan dengan gaya penyampaian intruksi oleh pengajar yang bersifat tradisional, rentak pengajarannya yang terlalu laju dan tidak optimum dalam memanfaatkan peralatan teknologi. Dapatan ini sejajar dengan kajian Ab. Gani Jalil (1993) dan kajian Rosni Samah (2009) yang mendapati masalah pengajar kurang mahir dalam menggunakan bahan bantu mengajar dan kegagalan mereka dalam menggunakan teknologi menjadi punca pengajaran bahasa Arab tidak menarik dan berkesan. Justeru, kebijaksanaan pengajar adalah amat dituntut agar pembelajaran bahasa Arab tidak dianggap membuang masa dan membosankan (Sahrir, 2015). Lebih daripada itu, pengajar perlu sentiasa menaiktaraf daya kreativiti dalam penyampaian melalui latihan berterusan agar tahap kompetensi mereka berubah menjadi lebih baik (Zaini et al., 2017), khususnya jika mereka tidak memiliki latar belakang pendidikan bahasa Arab yang khusus.

Dari sudut pandang pengajar pula, selain daripada apa yang telah dinyatakan oleh pelajar, terdapat tiga kekangan tambahan yang mengganggu pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian iaitu kekangan silibus pelajaran, kekangan perhatian kepada pelajar dan kekangan kebergantungan pelajar terhadap pengajar.

Kekangan pertama berkaitan faktor sukatan pelajaran yang banyak dalam setiap satu unit pelajaran dan masa belajar yang sangat terhad menyebabkan pembelajaran kemahiran bertutur tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Menurut kajian Noorafini et al. (2017), masa belajar bagi topik tatabahasa diperuntukkan lebih banyak kepada pelajar bahasa Arab tahap asas disebabkan kerumitan mempelajari topik tersebut sebagaimana yang dilaporkan oleh Azman dan

Goh (2010) dan Sainei dan Mohammad Seman (2011). Rentetan daripada sukatan pelajaran yang banyak, tumpuan terhadap usaha menghabiskan silibus lebih diutamakan berbanding menekankan aspek komunikasi. Akibatnya, pelajar tidak boleh bergantung pada pembelajaran kemahiran bertutur di dalam kelas semata-mata kerana peluang yang ada amat terhad (Aladdin, 2012).

Bagi kekangan kedua, pengajar melaporkan terdapat kesukaran untuk memberikan perhatian atau pemantauan khusus kepada setiap pelajar sepanjang pembelajaran dalam talian berlangsung. Tambahan pula, terdapat pengajar melaporkan bahawa pelajar biasanya akan mematikan fungsi kamera dan sangat jarang berinteraksi dengan pengajar sepanjang mengikuti sesi pembelajaran dalam talian. Hal ini menyebabkan pengajar tidak dapat memastikan kualiti penglibatan dan fokus pelajar dalam pembelajaran yang berkemungkinan semakin berkurangan seiring berlalunya waktu. Umum mengetahui, pelbagai anasir dalam lingkungan pembelajaran dari rumah berpotensi menyebabkan pelajar mudah kehilangan tumpuan semasa belajar contohnya bunyi bising dari kerja-kerja pembersihan, gangguan adik yang masih kecil, tarikan untuk menonton televisyen, melayari media sosial dan lain-lain (Jamal, 2021). Akibatnya, perkembangan dan prestasi pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur tidak mendapat bimbingan sewajarnya rentetan daripada terhadnya kemampuan pengajar dalam melaksanakan pemantauan berterusan. Tegasnya, kehilangan akses kepada bimbingan pengajar adalah satu kerugian yang besar buat pelajar. Nation (2014) menjelaskan sekurang-kurangnya terdapat empat tanggungjawab utama seorang pengajar bahasa, bermula daripada yang paling penting kepada yang kurang penting, iaitu (1) merancang kursus yang baik, (2) melatih pelajar berkaitan strategi belajar bahasa agar mereka terdorong untuk belajar secara kendiri, (3) menilai pelajar agar dapat dipastikan sejauh mana prestasi mereka berkembang dan (4) mengajar atau menyampaikan sesi pengajaran dan pembelajaran. Tanpa bimbingan menyeluruh seorang pelajar tidak mungkin dapat menikmati semua kelebihan berguru pada tahap maksimum sekurang-kurangnya berdasarkan empat elemen di atas.

Kekangan yang ketiga, para pelajar cenderung untuk bergantung sepenuhnya dengan bahan yang disediakan oleh pengajar. Sememangnya, seorang pelajar perlu bergantung kepada pengajar, bahkan dalam konteks pelaksanaan aktiviti bersama pengajar Nation (2014) menegaskan pengajar adalah satu-satunya sumber informasi bagi pelajar. Namun dalam konteks pasca aktiviti bersama pengajar dan bagi tujuan kelestarian perkembangan peribadi, pelajar perlulah berusaha mengambil sikap berautonomi dalam pelajaran dan mengelola aktiviti pelajaran secara kendiri khususnya dari aspek pengayakan sumber bahan pelajaran dan tidak hanya memadai dengan bahan yang dikongsikan oleh pengajar sahaja. Mengulas lebih lanjut, Ghazali Yusri et al. (2010) dalam kajian mereka menyatakan bahawa strategi pengurusan sumber merupakan salah satu komponen dalam konsep strategi pembelajaran kendiri yang yang perlu dititik beratkan sekiranya mahu meningkatkan prestasi kemahiran lisan.

Cadangan Mengatasi Kesukaran Pembelajaran Menurut Pelajar dan Pengajar

Pelajar dan pengajar mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi mengatasi kesukaran pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian.

Bermula dengan kekangan yang pertama iaitu kekangan bahasa dalam pembelajaran, peserta kajian mencadangkan agar pelajar mempunyai sumber rujukan berasaskan internet yang memaparkan teks bahasa Arab lengkap dengan baris, terjemahan dan transliterasi. Mengulas lebih lanjut berkaitan kaedah transliterasi, kajian Azman dan Ahmad (2010) menegaskan kaedah tersebut amat membantu pelajar bahasa Arab tahap asas pada peringkat awal pembelajaran kemahiran membaca yang melibatkan penguasaan sistem huruf berserta bunyi sebutannya dan kemudian barulah disusuli dengan latihan bertutur secara sendirian. Selain itu, kandungan teks tersebut sebaiknya berkisar tentang perbualan harian yang kerap digunakan oleh pelajar dalam komunikasi kerana menurut dapatan kajian Mohd Shahrizal et al. (2017), kandungan subjek bahasa Arab tahap asas perlu dikaitkan dengan pengalaman seharian dan matlamat pembelajaran pelajar. Cadangan yang sama juga boleh digunakan untuk mengatasi kekangan silibus pelajaran dan masa belajar.

Seterusnya, bagi tujuan mengatasi kekangan teknologi pula, dicadangkan agar pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian dilaksanakan dengan memanfaatkan bahan dan saluran multimedia secara optimum. Hal tersebut boleh dilakukan dengan memastikan bahan rujukan bahasa Arab dapat diakses melalui platform web 2.0 yang menyediakan bahan multimedia berkualiti tinggi. Selain itu, platform tersebut diharapkan turut mesra dengan aplikasi media sosial bagi tujuan sebaran informasi dan perkongsian bahan. Pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian akan menjadi lebih berkesan sekiranya elemen saluran multimedia turut diterapkan dalam platform tersebut. Saluran multimedia yang dimaksudkan di sini ialah sebarang aplikasi komunikasi dan penyaluran maklumat yang menyokong hantaran mesej multimedia berupa teks, gambar, animasi, audio dan video (Simpson, 2002) seperti aplikasi komunikasi Whatsapp, Telegram, Zoom, Webex, Google Meet, Microsoft Teams dan lain-lain lagi. Semua aplikasi komunikasi berasaskan multimedia tersebut biasanya boleh beroperasi melalui pelbagai peranti berasaskan komputer.

Dari segi kekangan aktiviti PdP, solusi yang dicadangkan adalah dengan memberi pendedahan langsung dan membekalkan latihan berkesan kepada pelajar tentang strategi pembelajaran kendiri. Tegasnya, keupayaan pelajar mengaplikasikan amalan strategi pembelajaran bertutur secara kendiri adalah suatu keperluan (Arshad & Abu Bakar, 2015). Strategi pembelajaran kendiri atau *Self-Ragulated Learning (SRL)* menurut Pintrich dan Groot (1990) merupakan satu proses yang aktif dan konstruktif untuk mengawal aspek kognitif, metakognitif, motivasi, tingkah laku, dan sesuatu yang berkaitan dengan pengurusan sumber dan persekitaran, agar objektif dan hasil pembelajaran yang diinginkan tercapai. Berbekalkan pengetahuan strategi tersebut pelajar dapat melaksanakan penilaian kendiri terhadap perkembangan pertuturan seterusnya memperoleh pengetahuan awalan berkenaan prestasi pertuturan tersebut. Pengetahuan awalan tersebut kemudiannya disahkan pula oleh pengajar melalui


beberapa siri penilaian formatif dan sumatif berserta komentar penambahbaikan yang boleh diambil oleh pelajar bagi meningkatkan lagi prestasi pertuturannya. Dengan demikian, pelajar dapat mengikuti dengan rapat perkembangan kemahiran bertutur yang berlaku dalam dirinya dan sekali gus menjadikannya lebih berkeyakinan serta bersemangat dalam pembelajaran. Disebabkan itulah, dapatan kajian turut menunjukkan pelajar menganggap maklum balas atau komentar balas pengajar sebagai satu bentuk peneguhan positif yang bermakna buat diri mereka dan dengannya mereka berasa terpandu dan tidak berasa diri mereka terbiar bersendirian meskipun terpaksa menjalani pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian tanpa kehadiran pengajar secara fizikal di sisi.

Sambungan kepada usaha untuk mengatasi kekangan aktiviti PdP di atas, terdapat juga cadangan agar bahan sokongan bahasa Arab yang digunakan sepanjang pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian memiliki sifat anjal sehingga boleh digunakan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Sifat keanjalan bahan sokongan adalah sebahagian ciri utama pembelajaran kendiri yang berkesan (Sulaiman, 2020). Tambahan itu, di samping menjadi platform khusus untuk menjalankan aktiviti PdP secara dalam talian dan fungsi sebaran bahan pembelajaran tambahan, bahan tersebut sebaiknya turut mengandungi pelbagai aktiviti praktikal bertutur secara kendiri yang boleh dilakukan secara seimbang. Seterusnya, dengan penawaran pelbagai aktiviti pertuturan yang seimbang tersebut, kekangan silibus pelajaran dan masa belajar yang turut menganggu pelajar juga dapat diatasi.

Dari sudut kekangan pengajar, satu-satunya cadangan yang diberikan adalah agar dibangunkan sebuah bahan sokongan bahasa Arab yang berupaya menjadi pemudah cara antara pengajar dan pelajar. Apa yang dimaksudkan dengan pemudah cara di sini ialah bahan tersebut dapat menjadi pengganti pengajar dalam hal ehwal penyampaian bimbingan pembelajaran kemahiran bertutur secara kendiri yang berkesan dan pelajar pula dapat mengikuti sesi bimbingan tersebut sesuai dengan kelajuan dan kemampuan peribadinya. Akhirnya, dengan ciri pemudah cara itu, bahan sokongan tersebut dapat digunakan secara berkesan oleh pengajar tanpa mengabaikan perbezaan setiap individu pelajar dari segi keupayaan pembelajaran dan gaya belajar. Lebih daripada itu, cadangan yang serupa juga boleh digunakan untuk mengatasi kekangan kebergantungan pelajar dan kekangan perhatian kepada pelajar. Sekiranya diamati, deskripsi bahan sokongan yang cadangkan oleh peserta kajian di atas adalah amat mirip dengan ciri utama sebuah modul pembelajaran. Hal ini boleh dilihat melalui takrifan Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) bagi modul pembelajaran sebagai "*satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara sendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat*" (p. 2). Bahkan, tegas Russell (1974) sebab utama modul pembelajaran diperkenalkan dalam bidang pendidikan dengan menggunakan pendekatan pembelajaran yang diperibadikan adalah untuk meraikan perbezaan individu dan tahap kebolehan belajar. Melalui pendekatan pembelajaran peribadi, modul dapat diikuti secara bersendirian oleh seorang individu dan pencapaiannya bergantung pada kecepatan dan kecekapan individu itu sendiri (Gibbons, 1970, 1971). Maka dapat

disimpulkan bahawa antara bahan sokongan yang sesuai untuk kegunaan pelajar dan pengajar adalah modul.

Rajah 1 menunjukkan padanan di antara masalah dan cadangan solusi yang diutarakan oleh pelajar dan pengajar.



Rajah 1. Masalah dan solusi yang dicadangkan oleh pelajar dan pengajar

Komponen Modul Elektronik yang Perlu Ada Menurut Pelajar dan Pengajar

Secara umum, dapatan temu bual menunjukkan semua pelajar dan pengajar bersepakat bahawa terdapat keperluan untuk membina sebuah modul elektronik berdasarkan spesifikasi dan komponen kandungan tertentu yang diperlukan sepanjang pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian.

Dalam konteks kajian ini, keperluan pembangunan sebuah modul elektronik adalah berkesinambungan daripada pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang mengikuti pembelajaran kemahiran bertutur secara dalam talian selama tiga semester berturut-turut dan beberapa cadangan penambahbaikan yang dilontarkan bagi menangani kekangan tersebut.

Cadangan tersebut sekali gus menjadi panduan penetapan spesifikasi dan komponen kandungan yang diperlukan dalam pembangunan sebuah modul elektronik yang sesuai. Jadual 6 menunjukkan ringkasan cadangan komponen penting yang perlu ada pada modul elektronik menurut pelajar dan pengajar:

Jadual 6: Cadangan Komponen Modul menurut Pelajar dan Pengajar

Bil.	**Komponen modul**	**Pelajar**	**Pengajar**
1	Tema perbualan harian	√	√
2	Aktiviti belajar bertutur		√
3	Bahan multimedia	√	√
4	Saluran multimedia		√
5	Penilaian kendiri pelajar	√	
6	Penilaian pengajar	√	

Kesepakatan para peserta kajian dalam menyatakan keperluan terhadap pembangunan sebuah modul elektronik adalah sangat berasas. Hal ini kerana, penggunaan modul elektronik dalam landskap PdP bahasa Arab sebenarnya adalah satu bentuk usaha proaktif bagi merealisasikan hasrat kerajaan Malaysia meneruskan pemerkasaan dasar e-pembelajaran pada peringkat Pendidikan Tinggi melalui Lonjakan #9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia, 2015). Tegasnya, penghasilan modul elektronik mampu menyumbang kepada peluasan akses pendidikan, peningkatan kualiti PdP selain menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan semasa pelajar.

Bagi mengembangkan percambahan ilmu dan meningkatkan kualiti dapatan kajian, dicadangkan agar kajian lanjutan melibatkan pakar bidang dilaksanakan bagi mencari formula terbaik untuk mentransformasi cadangan pelajar dan pengajar menjadi sebuah aktiviti pembelajaran kemahiran bertutur dalam talian yang praktikal. Selain itu, pakar juga mampu menambah komponen modul elektronik lain yang bersesuaian bagi meningkatkan lagi aspek praktikaliti dan kualiti modul kelak.

KESIMPULAN

Kajian analisis keperluan ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan bagi membina sebuah modul elektronik yang ideal dan seterusnya menguji kebolehgunaan dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tahap asas. Semua pelajar dan pengajar telah mengesahkan bahawa terdapat pelbagai masalah dan cabaran yang mereka hadapi sepanjang melaksanakan aktiviti PdP kemahiran bertutur dalam talian. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, pelbagai cadangan telah dilontarkan. Masalah serta solusi yang terkumpul ini menjadi sandaran kukuh bagi pelajar dan pengajar untuk sepakat bahawa sebuah modul elektronik yang memenuhi ciri-ciri tertentu perlu dibangunkan. Sebagai rumusan, dapatan kajian ini mampu menjadi panduan berguna kepada para pengkaji yang berminat untuk mendalami bidang kajian pembangunan modul elektronik pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tahap asas namun pada masa yang sama kurang jelas dengan apa sebenarnya yang berlaku ketika berjalannya proses pembelajaran secara dalam talian.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiaya oleh Universiti Putra Malaysia melalui Geran Inisiatif Putra Siswazah (GP-IPS) berkod GP-IPS/2021/9704800.

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants and strict confidentiality maintained.

RUJUKAN

Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies, 12*(2), 645–666.

Awang Damit, S., & Seman, M. (2011). Persepsi pelajar bukan Islam terhadap pembelajaran bahasa Arab: Satu kajian di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Bahasa Jendela Alam, 6*, 864–879.

Bahagian Perkhidmatan Akademik. (2018). *Prospektus prasiswazah 2018/2019 Universiti Malaysia Sabah*. https://www.ums.edu.my/v5/files/2018/ProspektusUMS2018.pdf

Che Mat, A., & Nazuki, A. (2010). Kegunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies, 10*(2), 19–35.

Che Mat, A., & Goh, Y. S. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan

bahasa Perancis. *AJTLHE, 2*(2), 9–20.

Enid Zureen, Z. A., Nik Farhan, M., Normaliza, A. R., & Syed Nurulakla, S. A. (2020). Penterjemahan idiom Arab-Melayu melalui Google Translate: Apakah yang perlu dilakukan? *GEMA Online® Journal of Language Studies, 20*(3), 156–180. https://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-10

Gibbons, M. (1970). What is individualized instruction? *Interchange, 1*(2), 28–52.

Gibbons, M. (1971). *Individualized instruction: A descriptive analysis*. Teachers College Press.

Guan, T. T., Hamadun, F., & Baba, S. (2021). Introduction. In T. T. Guan, F. Hamadun, & S. Baba (Eds.), *1st Online Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (eTeLIC): Synchronous @ Real-time Online Interaction* (1st ed., pp. 1–6). Universiti Malaysia Kelantan.

Haslubis, M. H., Islieh, A. I. S., Wan Kamaruddin, W. A. Z., Usop, R., Mohd Ali, M. Z., Spawi, M., Zakaria, Z., & Mohamad Amin, A. F. (2022). A4STEM: Memperkasa pendidikan STEM dan bahasa Arab melalui pembangunan modul MOOC. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP), 4*(2), 33–43.

Hiebert, J., Wearne, D., & Taber, S. (1991). Fourth graders' gradual construction of decimal fractions during instruction using different physical representations. *The Elementary School Journal, 91*(4), 321–341. https://doi.org/10.1086/461658

Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). *English for specific purposes: A learning-centred approach*. Cambridge University Press.

Jabatan Pendidikan Tinggi. (2019). *Garis panduan pelaksanaan pembelajaran teradun gantian (pembelajaran dalam talian)*.

Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia. (2015). *Dasar e-pembelajaran negara 2.0*.

Jalil, A. G. (1993). *Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamal, N. (2021). *Cabaran PdPR atas talian*. The Patriots. https://thepatriots.asia/cabaran-pdpr-atas-talian/

Kassim, N., Awang Damit, S., & Taat, M. S. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan, 1*, 125–142.

Kern, R., & Warschauer, M. (2000). Introduction: Theory and practice of network-based language teaching. In M. Warschauer & R. Kern (Eds.), *Network-based language teaching: Concepts and practice*. Cambridge University Press.

Koderi. (2017). Pengembangan modul elektronik berbasis SAVI untuk pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Teknologi Pendidikan, 19*(3), 206–223. https://doi.org/10.21009/jtp.v19i3.6709

Lin, H. (2014). Computer-mediated communication (CMC) in L2 oral proficiency development: A meta-analysis. *ReCALL, 27*(3), 261–287. https://doi.org/10.1017/S095834401400041X

Lin, H. (2015). A meta-synthesis of empirical research on the effectiveness of computer-mediated communication (CMC) in SLA. *Language Learning & Technology, 19*(2), 85–117.

Majlis e-Pembelajaran IPTA Malaysia. (n.d.). *Pengenalan MEIPTA*. Majlis e-Pembelajaran IPTA Malaysia. Retrieved July 22, 2023, from https://utmcdex.utm.my/meipta/about-us/

Mastura Arshad, & Kaseh Abu Bakar. (2015). Practise of self-regulated learning strategies in Arabic speaking skill: A study on Malay students at Centre for Foundation Studies, IIUM. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 7*(1), 1–17.

Maulidiana, M. (2020). Development of e-module media in learning Arabic for class X students of MAN 4 Ngawi. *Al Mahāra Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 6*(2), 279–292.

Meskill, C. (1999). Computers as tools for sociocollaborative language learning. In K. Cameron (Ed.), *Computer-assisted language learning (CALL): Media, design and applications* (pp. 144–152). Swets & Zeitlinger Publishers.

Mishra, L., Gupta, T., & Shree, A. (2020). Online teaching-learning in higher education during lockdown period of COVID-19 pandemic. *International Journal of Educational Research Open, 1*, 100012. https://doi.org/10.1016/j.ijedro.2020.100012

Mohamad, A. H. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education, 1*(1), 1–14.

Mohd Fauzi, A. H., Zulazhan, A. H., Muhammad Sabri, S., & Mohd Firdaus, Y. (2021). Usability insight of animated infographic module in Arabic grammar learning. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government, 27*(2), 5799–5811.

Mohd Firdaus, Y., Zulazhan, A. H., Muhammad Sabri, S., & Mohd Fauzi, A. H. (2021). Need analysis on developing Arabic language m-learning basic level during Covid-19. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government, 27*(2), 5452–5461. https://doi.org/10.47750/cibg.2021.27.02.551

Mohd Firdaus, Y., Zulazhan, A. H., Muhammad Sabri, S., Mohd Fauzi, A. H., & Mat Saad, K. N. (2021). Applicability of m-learning for basic Arabic language among students during distance learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 10*(3), 830–843. https://doi.org/10.6007/IJARPED/v10-i3/11264

Mohd Noah, S., & Ahmad, J. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Yazid, M. T., Wan Sulong, W. M., Mustapha, N. F., & Abdul Jabar, M. A. (2022). Teknik pelajar bukan Muslim belajar bertutur bahasa Arab secara dalam talian. *GEMA Online® Journal of Language Studies, 22*(2), 327–350.

Nasir, M. S., Zainuddin, N., & Sahrir, M. S. (2017). Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies, 39*(1), 29–37.

Nation, P. (2007). The four strands. *Innovation in Language Learning and Teaching, 1*(1), 2–13. https://doi.org/10.2167/illt039.0

Nation, P. (2014). *What do you need to know to learn a foreign language?* School of Linguistics and Applied Language Studies, Victoria University of Wellington.

Nazir, F., Shamsudin, F., & Bakar, A. (2017). *Pengajaran dan pembelajaran abad 21* (2nd ed.). Sasbadi Sdn. Bhd.

Osman, N., & Hamzah, M. I. (2021). Expert evaluation on e-module for Arabic language learning in a blended learning environment. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education, 12*(14), 2263–2272. https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i14.10643

Peterson, M. (2009). Learner interaction in synchronous CMC: A sociocultural perspective. *Computer Assisted Language Learning, 22*(4), 303–321. https://doi.org/10.1080/09588220903184690

Pintrich, P. R., & De Groot, E. V. (1990). Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology, 82*(1), 33–40. https://doi.org/10.1037/0022-0663.82.1.33

Rajab, M. H., Gazal, A. M., & Alkattan, K. (2020). Challenges to online medical education during the Covid-19 pandemic. *Cureus, 12*(7).

Russell, J. D. (1974). *Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. Publishing Company.

Sahrir, M. S. (2015, September 23). Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti. *Berita Harian*.

Samah, R. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Samah, R. (2012). Pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah agama. *GEMA Online Journal of Language Studies, 12*(2), 555–569.

Samah, R., Abdul Hamid, M. F., Sha'ari, S. H., & Mohamad, A. H. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies, 13*(2), 99–116.

Simpson, J. (2002). Computer-mediated communication. *ELT Journal, 56*(4), 414–415.

Sulaiman, S. (2020). *Pembangunan modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi kendiri dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.

Wan Daud, W. A. A., Masri, M. N., Amiruddin, A. Z., & Mohd Kamal, A. N. (2021). Introduction. In W. A. A. Wan Daud, M. N. Masri, & A. Z. Amiruddin (Eds.), *1st Online Teaching Enhancement and Learning Innovation Carnival (eTeLIC): Embracing new norms with asynchronous online learning* (1st ed., pp. 1–10). Universiti Malaysia Kelantan.

Young, E. H., & West, R. E. (2018). Speaking practice outside the classroom: A literature review of asynchronous multimedia-based oral communication in language learning. *The EUROCALL Review, 26*(1), 59–78. https://doi.org/10.4995/eurocall.2018.8599

Yusof, N., Baharudin, H., Abdul Malek, N. I., & Hamzah, M. I. (2020). Lecturers' need analysis for I-Aqran module in Arabic vocabulary consolidation among UiTM learners. *Hamdard Islamicus, 43*(2), 66–81.

Yusof, N., Baharudin, H., Hamzah, M. I., & Abdul Malek, N. I. (2021). Fuzzy Delphi method application in the development of I-Aqran module for Arabic

vocabulary consolidation. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning, 4*(2), 331–351. https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v4i2.12050

Yusof, N., Baharudin, H., Nik Yusoff, N. M. R., & Sjahrony, A. (2019). I-Aqran module construction for Arabic vocabulary consolidation: A need analysis. *Religación: Revista de Ciencias Sociales y Humanidades, 4*(21), 257–265.

Yusri, G., Nik Mohd Rahimi, & Shah, P. M. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies, 10*(3), 15–33.

Zaini, A. R., Ghazali, M. R., Ismail, M. R., Zakaria, N., Hamdan, H., & Azizan, M. R. (2017). Permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK)*, April.

Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Redzaudin, M., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Islam, 12*(1), 47–57.